

Graduan perlu tingkatkan kemahiran insaniah untuk pasaran kerja kompetitif

KOTA KINABALU: Graduan perlu mengambil peluang meningkatkan kemahiran insaniah semasa menuntut di universiti sebagai nilai tambah apabila memasuki alam pekerjaan kelak, kata Pengerusi Eksekutif Nadi-corp Holdings, Tan Sri (Dr) Mohd Nadzmi Mohd Salleh.

Beliau berkata, para graduan perlu aktif dalam aktiviti-aktiviti kokurikulum seperti pengucapan awam dan program-program kepimpinan kerana ia bakal memberi kelebihan khususnya ketika graduan dalam fasa pencarian kerja.

“Banyak graduan yang gagal dalam temu duga kerana tidak mempamerkan keyakinan walaupun mereka agak baik sewaktu di universiti.

“Mereka tidak menguasai teknik komunikasi berkesan dan tidak mampu menyampaikan idea-idea semasa proses temu duga yang akhirnya menyebabkan mereka tidak ditawarkan untuk mengisi kekosongan jawatan yang dipohon,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan Syarahan Kinabalu, Perubahan Pola Pasaran Kerja Dalam Persekitaran Perniagaan yang Kompetitif anjuran Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW), UMS.

Mohd Nadzmi berkata, dalam pasaran kerja yang semakin kompetitif, para graduan seharusnya perlu mencari kelebihan masing-masing yang tidak ada pada orang lain.

“Seperti yang kita sedia maklum, setiap tahun universiti awam dan swasta termasuk kolej-kolej cawangan universiti luar negara di Malaysia akan melahirkan



SYARAHAN ... Nadzmi sedang menyampaikan syarahan.



PESERTA ... Antara pelajar yang hadir pada syarahan itu.



CENDERA HATI ... Prof Dr Ismail (kiri) menyampaikan cenderahati kepada Tan Sri Nadzmi (tengah) sambil disaksikan Dr. Rosazman (kanan).

graduan-graduan yang menyebabkan persaingan sengit dalam mengisi pasaran kerja.

“Justeru, para graduan perlu mencari kekuatan diri masing-masing untuk kekal dalam pentas persaingan, dan tidak dinafikan kelebihan

pastinya juga akan memihak bagi mereka yang mempunyai dua jenis ijazah sarjana muda dalam bidang yang berbeza,” tambahnya lagi.

Beliau turut berpesan agar graduan tidak tertumpu kepada pekerjaan di dalam negara sahaja, tetapi perlu melihat

peluang yang lebih besar dalam pasaran kerja di peringkat antarabangsa.

“Misalnya, di negara seperti Dubai, Arab Saudi dan Qatar, terdapat pekerja-pekerja di sana berasal dari Filipina, Mesir dan beberapa negara Asia yang lain

termasuk Malaysia.

“Kita harus berfikir seperti itu, tidak hanya melihat kepada pasaran kerja tempatan tetapi melihat lebih jauh ke luar,” ujar Tan Sri Nadzmi.

Dianjurkan dengan kerjasama Unit Penyelidikan

Etnografi dan Pembangunan (UPEP), serta Program Hubungan Industri, syarahan itu dihadiri hampir 500 pelajar dan kakitangan UMS.

Hadir sama, Dekan FKSW, Prof. Dr. Ismail Ibrahim dan Ketua UPEP, Prof. Madya Dr. Rosazman Hussin.



SOAL JAWAB ... Turut diadakan sesi soal jawab.